

HARGAI DIRI, JUNJUNG PERINTAH ILAHI

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ ۚ
وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

(Surah Fatir, ayat 10)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bertakwalah kepada Allah SWT pada setiap masa dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya semakin kita menjadi insan yang bertakwa, semakin banyak keberkatan akan melimpah ke dalam hidup kita sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا
فَأَخَذْنَا لَهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٦﴾

Yang bermaksud: “Dan (Tuhanmu berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu beriman, serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi...” (S. Al-A’raaf: 96).

SIDANG JEMAAH YANG MULIA,

Marilah kita sedari bersama bahawa kita adalah makhluk bernama manusia yang dijadikan Allah SWT sebagai sebaik-baik kejadian ciptaan-Nya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤١﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٤٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٤٣﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika dia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang yang rendah, Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.*” (S. At-Tiin: 4-6).

Sehubungan itu, wajib bagi manusia menghargai dan mensyukuri status fitrahnya sebagai sebaik-baik makhluk ciptaan Allah SWT. Caranya ialah dengan mematuhi perintah Allah SWT selain menjauhi segala perkara yang boleh mencampakkan dirinya ke dalam kehinaan dan kemurkaan-Nya. Perbanyakkan amal soleh yang disuruh oleh Allah SWT dan jauhi segala perkara yang dilarang-Nya.

Dengan kata lain, segala apa jua yang kita lakukan semasa hidup di dunia ini harus berada dalam lingkungan keredaan Allah SWT serta bernilai ibadah. Ini selaras dengan penciptaan kita di dunia ini yang hanya untuk menyembah serta mengabdikan diri kepada Allah SWT selaku Pencipta dan Pentadbir seluruh alam.

Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “*Tidak Aku jadikan Jin dan Manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku.*” (S. Az-Zariyat: 56).

Oleh hal yang demikian, setiap manusia hendaklah menghayati dan menterjemahkan tujuan penciptaannya di dunia ini, iaitu mengabdikan diri kepada Allah SWT. Mengabdikan dalam erti kata menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, teguh di atas tauhid dan menunaikan segala titah perintah-Nya seperti mendirikan solat lima waktu, memberi zakat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan haji dan sebagainya. Perlaksanaan kewajipan ini merupakan satu bentuk penzaharan rasa kehambaan di samping sebagai wasilah untuk mencapai darjat takwa sekali gus memperolehi perhatian, rahmat, maghfirah dan berbagai ganjaran dari Allah SWT.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sesungguhnya mati itu adalah benar, kenikmatan dan seksa di alam kubur adalah benar, pertanyaan Munkar dan Nankir adalah benar.

Demikianlah antara rangkap talkin yang dibacakan kepada si mati sesudah dikebumikan. Ia secara langsung memberi peringatan kepada yang masih hidup bahawa tiada seorang pun yang akan terlepas daripada menghadapi mati.

Malaikat maut akan sentiasa mendapatkan sesiapa saja yang masa hidupnya akan berakhir di dunia ini. Jika masanya itu sudah tiba, maka tiada sesiapa pun dapat melarikan atau melepaskan diri daripada maut sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ ...

Yang bermaksud: *“Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh...”* (S. An-Nisaa': 78).

Oleh itu, setiap orang perlu tahu dan mahu menghargai dirinya dengan bersedia untuk menghadapi saat kematian. Kematian yang menokhtakan kelazatan kehidupan di dunia serta gerbang pertama menuju akhirat tidak seharusnya dilihat sebagai suatu yang ngeri dan menakutkan. Sebaliknya, kematian itu harus ditanggapi sebagai peringatan dan ibrah untuk menjauhkan diri dari perbuatan maksiat, melunakkan hati yang keras dan mengikis kebanggaan terhadap dunia kerana hakikatnya kehidupan dunia adalah bersifat sementara. Kehidupan akhirat jua yang kekal abadi.

JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Diriwayatkan bahawa pada suatu ketika Abdullah bin Umar mendatangi majelis Rasulullah yang sedang berkumpul bersama para sahabat. Seorang sahabat Ansar di antara mereka bertanya, *“Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling cerdas dan pemurah itu?”*

Baginda menjawab, Orang yang paling rajin mengingat kematian serta paling baik persiapannya dalam menghadapinya. Itulah orang cerdas yang akan memperoleh kehormatan di dunia dan kemuliaan di akhirat kelak.” (HR Al-Hakim, At-Thabrani dan At-Tirmizi).

Justeru, marilah kita tarbiah diri kita dan ahli keluarga kita supaya sentiasa insaf dan mengingati mati dengan membuat persiapan menghadapinya. Untuk ini, mari kita mematuhi perintah Allah SWT, beramal soleh, bersifat dengan sifat mahmudah, beristighfar serta menjauhi perbuatan yang dilarang yang boleh mencemarkan maruah diri sebagai makhluk yang terbaik ciptaan Allah SWT.

Sesungguhnya, hanya amal soleh yang akan menjadi teman sejati si mati. Ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya yang bermaksud:

“Tiga perkara yang akan mengiringi jenazah ke kubur; hartanya, keluarganya dan amalnya. Harta dan keluarganya akan meninggalkannya dan yang tinggal hanyalah amalnya.” (HR Al-Bukhari).

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sebaik-baik manusia adalah orang yang panjang umurnya dan baik perbuatannya, sedangkan sejahat-jahtat manusia ialah orang yang panjang umurnya tetapi jahat kelakuannya. Atas hakikat itu, semoga hendaknya kita tidak dilalaikan oleh urusan dunia sehingga lupa membuat persiapan bekalan untuk mengadap Allah SWT. Ingatlah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Rebut lima perkara sebelum datang lima perkara. Masa sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk, muda sebelum tua dan hidup sebelum mati”. (HR Al-Hakim dan Al-Baihaqi)

Sehubungan itu, marilah kita berusaha sedaya upaya melakukan yang terbaik dalam menjunjung perintah Allah dan Rasul-Nya untuk meraih balasan syurga dan menjauhi azab neraka. Maka, marilah beribadat dengan memperbanyakkan amal soleh semasa sihat sebelum ditimpa penyakit. Hurlurkanlah sedekah semasa masih berharta sebelum papa.

Berzikirlah sewaktu masih mempunyai kelapangan sebelum dilanda kesibukan urusan dunia. Berusahalah mencari keperluan dunia dan akhirat semasa masih muda dan bertenaga sebelum tua dan uzur.

Pendek kata, beramallah semasa masih hidup kerana ia adalah bekalan Berharga menuju akhirat.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Sebagai kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengingati hari kematian yang lambat laun akan menemui kita. Dengan mengingatnya, kita akan lebih menyedari terhadap asal kejadian dan kemungkinan yang dihadapi selepas saat kematian nanti.

Oleh sebab itu, hargailah dan perliharalah diri daripada azab neraka dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan segala perbuatan yang dilarang dan dibenci-Nya. Demikian juga, jangan bertanggung-tanggung untuk bertaubat kepada Allah SWT dengan memohon keampunan daripada-Nya atas segala kesalahan dan dosa yang dilakukan. Sesungguhnya Allah sangat menganjurkan manusia supaya bertaubat dan memohon keampunan daripada-Nya, sebagaimana firman-Nya:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Yang bermaksud: *“Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa.”* (S. Ali-Imraan: 133).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.